



جامعة إسلامية عالمية ماليزية

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

جامعة إسلامية عالمية ماليزية



# KEDUDUKAN DAN PERLINDUNGAN HAK-HAK WANITA DALAM ISLAM SECARA SEPINTAS LALU

Azizah Mohd

Ahmad Ibrahim Kulliyyah of Laws IIUM

International Conference on Family Law, Family  
Justice and Maqasid al-Shari'ah (ICFL 2021) 9<sup>th</sup> –  
10<sup>th</sup> February 2021

Via WebEx

# PENGENALAN

- Wanita secara fitrahnya adalah pelengkap kaum Lelaki.
- Keduanya saling melengkapi
- *Wahai manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu yang mencipta kamu dari diri yang satu (iaitu Adam) dan daripadanya Allah menciptakan isterinya (iaitu Hawa) dan daripada kedua-duanya Allah mengembangbiakkan lelaki dan perempuan yang banyak (Surah al-Nisa': 1)*
- *Sesungguhnya aku tidak mensia-siakan amalan orang yang beramal antara kamu baik dia lelaki ataupun wanita kerana sebahagian kamu adalah keturunan daripada sebahagian yang lain (Surah al-'Imran : 195)*

# TUJUAN KERTAS KERJA

- Untuk mengkaji dan membincangkan tentang kedudukan serta perlindungan hak-hak wanita di dalam undang-undang Islam secara ringkas dan sepintas lalu.
- Perbincangan antara lain akan juga menyentuh secara ringkas tentang objektif perundangan Islam (*maqasid al-Shariah*) dalam memelihara kehormatan wanita.

- Metodologi kajian adalah secara perpustakaan dan perbincangan merangkumi kerangka teori undang-undang *Shari'ah*.

# KEDUDUKAN WANITA DALAM ISLAM

- Kedudukan wanita di dalam Islam adalah sangat istimewa dan dihormati
- Wanita tidak dilihat sebagai subjek yang lemah atau lebih rendah martabatnya dari seorang lelaki
- Walaupun status seorang wanita dan lelaki adalah sama dari aspek kehormatannya, namun begitu, peranan yang diberikan kepada seorang wanita adalah berdasarkan fitrahnya sebagai seorang wanita

# HAK-HAK WANITA

- Sebagai satu subjek yang dihormati dan dilindungi, Islam menjamin perlindungan hak-hak wanita selagi mana ia tidak bertentangan dengan Hukum Syarak
- Hak-hak Asasi
- Hak-Hak Dalam Hubungan Kekeluargaan
- Hak-Hak Berkaitan Pewarisan Harta dan Wasiat
- Hak-Hak Ke Atas Pemilikan Harta
- Hak-Hak Untuk Membuat Perjanjian Atau Kontrak

# **MELINDUNGI KEHORMATAN WANITA DALAM KONTEKS *MAQASID AL-SHARI'AH***

- Salah satu objektif perundangan Islam adalah untuk memelihara keturunan dan maruah seseorang termasuk wanita
- Islam mensyariatkan perkahwinan, menahan pandangan, menjaga aurat dan kehormatan, mengharamkan penzinaan dan mengharamkan pertuduhan kpd wanita melakukan zina

# **PERLINDUNGAN HAK WANITA DALAM UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

- AUKI (WP)1984
- Hak Untuk Mendapat Gantirugi Pertunangan
- Hak Untuk Berkahwin Dan Perwalian Perkahwinan
- Hak Ke Atas Mahar Atau Mas Kahwin
- Hak Ke Atas Nafkah Semasa Perkahwinan Dan Dalam Waktu Iddah Perceraian
- Hak Untuk Bercerai ke atas Perceraian
- Hak-hak Selepas Perceraian

# PENUTUP

- Perlindungan hak-hak wanita dalam Islam dan perundangan di Malaysia adalah demi mencapai objektif perundangan Islam dalam memastikan manfaat dan kepentingan hidup wanita terjaga dan menghilangkan segala kesusahan yang mungkin menimpa mereka.
- Untuk merealisasikan maqasid al-Sharia'h semua pihak baik lelaki maupun wanita haruslah mempunyai pengetahuan (terutama pengetahuan agama) dan kesedaran supaya masing-masing tidak akan melanggar batas-batas ketetapan Allah s.w.t seterusnya memenuhi hak dan tanggungjawab masing-masing sama ada sebagai individu yang mempunyai peranan tertentu ataupun sebagai hamba Allah s.w.t.

# **TERIMA KASIH**